

# Pelajar UTHM kumpul dana bantu anak yatim



**Pelajar UTHM menemanai anak-anak yatim dari Rumah Pertubuhan Anak Yatim Islam, Kluang memilih kelengkapan hari raya masing-masing.**

**KULAIJAYA** – Sebanyak RM16,000 dana berjaya dikumpulkan oleh pelajar tahun satu Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi menjayakan Projek Baju Raya bersama anak-anak yatim.

Dana berkenaan dikumpul dalam tempoh dua minggu menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan termasuk jualan amal dan kutipan tabung.

Pengarah projek, Riska Mustaqim Marzuqi, 20 berkata, kutipan dana bertujuan menampung kos perbelanjaan pakaian hari raya untuk 56 anak yatim dari Rumah Pertubuhan Anak Yatim Islam, Kluang di sini.

“Ini merupakan projek yang julung kali diadakan oleh fakulti kami membabitkan penglibatan 209 sembilan pelajar tahun satu.

“Pada program ini anak-anak yatim dari Rumah Pertubuhan Anak Yatim Islam, Kluang di bawa ke pasaraya untuk memilih sendiri pakaian masing-masing termasuk kasut serta songkok bagi lelaki dan tudung bagi perempuan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Riska Mustaqim berkata, sebahagian dana yang dikumpul turut diagihkan kepada 49 pelajar asnaf di UTHM sebagai sumbangan bagi menampung keperluan menyambut Ramadan dan Aidilfitri.